

Untuk Siaran Segera

SIARAN AKHBAR

RAKAN STRATEGIK TH, CIMB ISLAMIC TAWAR PERKHIDMATAN PERBANKAN DALAM TALIAN MENERUSI CIMB CLICKS

KUALA LUMPUR, 24 Julai 2020 – CIMB Islamic Bank Berhad (CIMB Islamic) selaku rakan strategik Lembaga Tabung Haji (**TH**) telah memanjangkan perkhidmatan **TH** yang kini merangkumi perbankan dalam talian (*online banking*) menerusi CIMB Clicks.

Sebelum ini, kolaborasi antara **TH** dan CIMB Islamic sejak tahun 2019 telah pun memberi akses kepada perkhidmatan **TH** di lebih 2,900 rangkaian terminal layan diri CIMB seluruh Negara.

Pengenalan akses terbaharu melalui CIMB Clicks ini pasti akan memudahkan hampir sembilan (9) juta pendeposit **TH** melaksanakan transaksi **TH** seperti pindahan wang dari akaun **TH** ke akaun CIMB dan sebaliknya; pindahan wang ke akaun pihak ke-3 **TH**, pertanyaan baki simpanan serta pendaftaran dan pembatalan 'link' akaun **TH** kepada akaun CIMB.

Encik Ahmad Shahrman Mohd Shariff, Ketua Pegawai Eksekutif CIMB Islamic berkata, dengan adanya kemudahan perbankan dalam talian CIMB Clicks, pelanggan-pelanggan CIMB, tidak kira sama ada mereka mempunyai akaun CIMB Bank atau CIMB Islamic boleh mengakses perkhidmatan **TH** sekali gus melakukan transaksi di mana-mana dan pada bila-bila masa. Kemudahan dan akses atas talian ini akan ditambah nilai dari semasa ke semasa, selaras dengan iltizam kami untuk membangun CIMB sebagai sebuah Bank Digital untuk masa hadapan.

"Saya merasakan perkembangan terkini ini adalah tepat pada masanya dalam kita berusaha untuk menyesuaikan diri dengan normal baharu dan memberi alternatif terbaik kepada 'touch points' yang lain. Dengan kemudahan ini, kami dengan sukacitanya menyarankan kepada lebih empat (4) juta pelanggan bumiputera CIMB untuk menghubungkan (*linkage*) akaun CIMB mereka kepada akaun **TH** sedia ada bagi menikmati pelbagai kemudahan perbankan antara kedua akaun ini. Saya berharap kerjasama strategik ini akan berterusan dan memberi nilai tambah kepada para pelanggan," tambah beliau.

Tuan Haji Mustakim Mohamad, Pengarah Eksekutif Operasi **TH**, berkata, "Kerjasama strategik ini akan meningkatkan akses perkhidmatan **TH** dari lebih 10,000 rangkaian perkhidmatan ('touch points') kepada satu jumlah yang lebih tinggi kerana potensi perkhidmatan perbankan dalam talian adalah besar. Ini membolehkan pendeposit untuk melakukan urusan tanpa perlu pergi ke pejabat **TH**".

"**TH** menyokong apa jua usaha rakan strategik kami mengaplikasi teknologi perbankan terkini untuk kemudahan semua pendeposit mengakses perkhidmatan yang ditawarkan oleh **TH**." ujar beliau.

Perkhidmatan perbankan dalam talian CIMB Clicks boleh dicapai menerusi laman sesawang <https://www.cimbclicks.com.my>.

Tamat

Lembaga Tabung Haji (TH)

Lembaga Tabung Haji (**TH**) merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia pada tahun 1963 dan ditadbir berdasarkan Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535). **TH** menyediakan kemudahan bagi umat Islam di negara ini menyimpan wang untuk mengerjakan haji. **TH** mempunyai lebih 50 tahun pengalaman dalam perkhidmatan simpanan, haji dan pelaburan. Sebagai sebuah institusi haji terunggul negara, **TH** berusaha untuk mengukuhkan ekonomi umat Islam Malaysia dengan memanfaatkan dana dan sumber sedia ada. **TH** komited memberi perkhidmatan cemerlang dan memuaskan kepada semua Jemaah Haji Malaysia. Pencapaian **TH** yang konsisten telah mendapat pengiktirafan dunia sebagai model pengurusan haji inovatif. **TH** mempunyai hampir 9 juta pendeposit dan 125 cawangan dengan lebih 10,000 'touch-points' di seluruh negara. **TH** juga mempunyai sebuah pejabat yang beroperasi di Jeddah, Arab Saudi di bawah Konsulat Malaysia.

CIMB Islamic Bank

Bank CIMB Islamic yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam Malaysia 2013, merupakan entiti operasi utama perbankan dan kewangan Islam rangkaian Kumpulan CIMB. Ia beroperasi sejajar dengan platform perbankan universal Kumpulan dan menawarkan produk dan perkhidmatan patuh Syariah kepada perbankan runcit, perbankan pelaburan, pengurusan aset dan perniagaan pelaburan Kumpulan. Perkhidmatan, produk dan operasi CIMB Islamic mematuhi sepenuhnya prinsip-prinsip dan piawaian Syariah global di bawah bimbingan Jawatankuasa Syariah CIMB Islamic yang terdiri daripada pakar-pakar dan ulama Syariah yang berwibawa di dunia. CIMB Islamic menyediakan produk dan perkhidmatan kewangan yang komprehensif dan inovatif untuk memenuhi keperluan individu, perusahaan kecil dan sederhana, serta pelanggan institusi bersaiz besar. Operasi perbankan dan kewangan Islam Kumpulan CIMB disokong oleh rangkaian Kumpulan lebih daripada 35,000 pekerja di 15 buah negara yang terdiri daripada pasukan pengurusan kanan yang berpengalaman, dan pasukan global profesional perbankan dan kewangan Islam, merangkumi semua komponen utama perkhidmatan perbankan dan kewangan. Kumpulan CIMB juga memiliki rangkaian runcit terluas di ASEAN, dengan 697 cawangan pada 31 Mac 2020.

Untuk keterangan lanjut mengenai siaran akhbar ini, pihak media boleh hubungi:

Lynn Guha Thakurta / Juanita Johari Group Corporate Communications CIMB Group Holdings Berhad E-mel: lynn.thakurta@cimb.com / juanita.johari@cimb.com	Mohamad Naser Jaffar Pengurus Kanan Bahagian Komunikasi Korporat Lantai 16, Menara TH Tun Razak 201 Jalan Tun Razak Kuala Lumpur Tel: 03 2054 2451 Tel. Bimbit: 019 200 8438 Faks: 03 2164 0436 Emel: naser@lth.gov.my
--	---